

20/09/1998

BN Kubang Pasu tolak Anwar

JITRA: Barisan Nasional (BN) Kubang Pasu akan memastikan Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak mendapat sokongan jika beliau bertanding di kawasan berkenaan pada pilihan raya umum akan datang.

Pengerusi BN Kubang Pasu, Tan Sri Osman Aroff, berkata, pengundi Kubang Pasu juga tidak akan menyokongnya jika Anwar bertanding.

Sehubungan itu, BN Kubang Pasu sebulat suara menyokong tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melucutkan jawatan Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

"Kami memberi sokongan padu kepada Dr Mahathir dan menyokong tindakannya memecat Anwar sebagai ahli Umno," katanya kepada pemberita selepas mempengerusi mesyuarat khas BN kawasan Kubang Pasu, semalam.

(END)